Soalan Lazim

Bank Negara Malaysia (BNM) - Bank of Thailand (BOT)
Peluasan Selanjutnya
Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan Ringgit-Baht

1) Apakah Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan Ringgit-Baht dan matlamatnya?

- Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan Ringgit-Baht (Rangka Kerja) ialah pengaturan dua hala antara BNM dengan BOT untuk memudahkan penggunaan mata wang tempatan, iaitu ringgit dan baht, bagi penyelesaian kegiatan ekonomi rentas sempadan antara Malaysia dengan Thailand.
- Rangka Kerja ini bertujuan memberikan lebih fleksibiliti dan meningkatkan kecekapan kepada perniagaan, pelabur dan individu mendapatkan dan menguruskan baht di Malaysia dan ringgit di Thailand untuk penyelesaian perdagangan dua hala, pelaburan langsung, pendapatan dan pindahan[1].

2) Apakah ciri-ciri utama Rangka Kerja ini?

- Rangka Kerja ini meningkatkan kecekapan perniagaan dan individu untuk mendapatkan baht di Malaysia dan ringgit di Thailand bagi penyelesaian perdagangan barangan dan perkhidmatan termasuk transaksi yang dijalankan melalui pembayaran QR rentas sempadan serta pelaburan langsung antara Malaysia dengan Thailand.
- Perniagaan dan individu di Malaysia dan Thailand boleh mendapatkan pelbagai perkhidmatan kewangan dalam denominasi baht atau ringgit seperti lindung nilai pertukaran asing, pembiayaan, akaun deposit dan fleksibiliti dasar pertukaran asing lain daripada bank-bank yang dilantik di kedua-dua negara.

3) Apakah aspek utama peluasan Rangka Kerja ini?

- **Peluasan segmen pengguna yang layak merangkumi individu dari negara yang menjalankan persefahaman ini yang tinggal di negara asal (*home country*).** Hal ini bermakna rakyat Thailand yang berada di Malaysia kini boleh mendapatkan manfaat daripada Rangka Kerja ini melalui *appointed cross-currency dealers* (ACCD) yang dilantik di Malaysia, dan sebaliknya (iaitu bagi rakyat Malaysia yang berada di Thailand).

[1] Tidak termasuk hadiah, geran dan sumbangan.

- **Fleksibiliti dasar pertukaran wang asing tambahan** diberikan kepada perniagaan dan individu untuk meningkatkan kecekapan proses dan memudahkan akses kepada ringgit dan baht:
  - Bukti melalui dokumen tidak lagi diperlukan untuk transaksi spot dan urus niaga hadapan pertukaran mata wang asing di bawah nilai bersamaan dengan USD200,000 untuk setiap transaksi *(sebelum ini: bukti dokumen diperlukan untuk transaksi spot melebihi nilai USD50,000 dan semua urus niaga hadapan)*.
  - Lindung nilai pertukaran asing ke atas asas jangkaan bagi perdagangan, pendapatan dan pindahan dibenarkan sehingga 12 bulan (*sebelum ini: lindung nilai hanya 6 bulan untuk tujuan perdagangan, pendapatan dan pindahan*).
  - Penjualan, pembatalan, penyelesaian awal dan pelanjutan tempoh lindung nilai pertukaran asing dibenarkan untuk perdagangan, pelaburan langsung, pendapatan dan pindahan (*sebelum ini: fleksibiliti hanya untuk tujuan perdagangan sahaja*).
  -
- **Pelantikan 4 bank lain (ACCD) di Malaysia dan Thailand (daripada 14 kepada 18 bank)** bagi memudahkan penyelesaian transaksi asas yang layak dalam mata wang ringgit dan baht antara kedua-dua negara.

Malaysia

- Bank-bank lain yang dilantik:
  i. HSBC Bank Malaysia Berhad Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

- Bank-bank sedia ada yang dilantik:

  i. Bangkok Bank Berhad
  ii. CIMB Bank Berhad
  iii. Malayan Banking Berhad
  iv. MUFG Bank (Malaysia) Berhad
  v. Public Bank Berhad
  vi. RHB Bank Berhad
  vii. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Thailand

- Bank-bank lain yang dilantik:
  i. The Hong Kong and Shanghai Banking Corporation Limited Cawangan Bangkok
  Standard Chartered Bank (Thai) PCL
  ii.
- Bank-bank sedia ada yang dilantik:
  i. Bangkok Bank PCL
  ii. Bank of Ayudhya PCL

iii. CIMB Thai PCL
iv. Kasikornbank PCL
v. Krung Thai Bank PCL
vi. Siam Commercial Bank PCL
vii. United Overseas Bank (Thai) PCL

4) Siapakah yang memperoleh manfaat daripada Rangka Kerja ini?

- Dengan peluasan ini, semua perniagaan di Malaysia dan Thailand serta individu yang membuat pembayaran untuk penyelesaian perdagangan barangan dan perkhidmatan, pelaburan langsung, pendapatan dan pindahan akan memperoleh manfaat daripada Rangka Kerja ini. Sebagai contoh, individu rakyat Thailand yang menetap di Malaysia kini boleh mengirim wang ke Thailand melalui bank-bank yang dilantik yang boleh menawarkan terus sebut harga MYR/THB pada kos yang kompetitif. Rangka Kerja ini memperluas saluran kiriman wang sedia ada (termasuk bank-bank dan penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank). Sebelum peluasan ini, hanya rakyat Malaysia dibenarkan melakukan transaksi tersebut melalui bank yang dilantik.

5) Di manakah perniagaan dan individu boleh merujuk sebut harga dalam kadar ringgit atau baht?

- Perniagaan dan individu boleh merujuk sebut harga harian MYR/THB melalui Refinitiv, Bloomberg dan/atau platform maklumat kewangan lain yang disediakan oleh bank-bank yang dilantik. Mereka juga boleh mendapatkan terus sebut harga MYR/THB daripada bank-bank yang dilantik untuk membeli dan menjual pasangan mata wang (*currency pair*) tersebut.

#####